PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 26 (1) Mei 2022 (001-015)

Makna Perkataan Berkaitan dengan Pendidikan yang Berciri Tempatan dalam Akhbar Bahasa Cina di Malaysia

[1]Lau Su Kia, [2]Sheena Kaur, [3]Jariah Mohd Jan & [4]Su'ad Awab
[1]lausk@um.edu.my, [2]sheena@um.edu.my, [3]jariah@um.edu.my & [4]suadawab@gmail.com

Fakulti Bahasa dan Linguistik
Universiti Malaya, Malaysia

Tarikh terima : 16 Feb 2022
Received
Terima untuk diterbitkan : 25 Mac 2022
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 Mei 2022
Published online

Abstrak

Penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji perkataan bahasa Cina (BC) berkaitan dengan pendidikan yang membawa makna berciri tempatan dalam akhbar BC di Malaysia serta faktor-faktor kewujudannya. Data kajian ini terdiri daripada berita nasional dan artikel yang membincangkan isu-isu pendidikan tempatan dalam tiga jenis surat khabar BC di Malaysia dari Januari 2011 hingga Disember 2013. Data tersebut turut digunakan untuk membentuk korpus utama kajian ini iaitu *Korpus Pendidikan Malaysia* (KPM). *Beijing Language and Culture University Chinese Corpus* (BCC) dijadikan sebagai korpus rujukan. Perkataan-perkataan yang berkaitan dengan pendidikan dikenal pasti melalui kaedah menyemak Kamus Ensiklopedia Pendidikan dan juga merujuk kepada tujuh orang pakar. Sebanyak 593 perkataan yang berkaitan dengan pendidikan dikesan dalam KPM. Maknanya dalam KPM dan BCC ditafsirkan satu demi satu. Terdapat sebanyak 16 perkataan daripadanya digunakan dalam kedua-dua korpus, tetapi maknanya dalam KPM adalah berbeza dengan makna dalam BCC. Perkataan-perkataan yang mendukung makna berciri tempatan tersebut digolongkan ke dalam enam kategori, iaitu sekolah, persatuan pendidikan, orang yang terlibat dalam bidang pendidikan, pentaksiran, kelas dan mata pelajaran. Penyingkatan, penambahan makna dan penterjemahan merupakan faktor linguistik yang mengakibatkan kewujudan makna berciri tempatan tersebut. Selain itu, penciptaan perkataan untuk merujuk kepada sesuatu yang hanya terdapat di Malaysia dan juga kelainan negara merupakan faktor bukan linguistik yang menyebabkan wujudnya makna tersebut.

Kata kunci: makna, pendidikan, tempatan, akhbar, korpus

Local Meanings of Education-related Words in Malaysian Chinese Newspapers

Abstract

This research was conducted to study the local meanings of education-related Chinese words in Chinese newspapers in Malaysia and the factors leading to the emergence of these meanings. The data included national news and articles which discussed issues in local education in three types of Chinese newspapers in Malaysia from January 2011 to December 2013. The data is used to form the main corpus of this study, namely the Malaysian Education Corpus (MEC). The Beijing Language and Culture University Chinese Corpus (BCC) is a reference corpus. Education-related words were validated by checking against a Dictionary of Education Encyclopedia as well as by referring to seven experts in the field. A total of 593 education-related words were detected in Malaysian

Chinese dailies. Their meanings in the Malaysian Chinese newspapers as well as BCC in China were interpreted one by one. There were a total of 16 words used in both the Malaysian Chinese newspapers as well as the BCC, but the meanings in the local Chinese dailies were different from those of the BCC. These words were grouped into six categories, namely schools, educational associations, people involved in education, assessments, classes and subjects. The abbreviation, adding of meaning and translation of words were the linguistic factors that led to the existence of such local meanings. In addition, the creation of words to refer to something which are only available in Malaysia as well as national differences were the non-linguistic factors that led to the emergence of local meanings.

Keywords: meaning, education, local, newspaper, corpus

1. Pengenalan

Surat khabar merupakan salah satu sumber data yang mudah diperoleh bagi tujuan penganalisisan data linguistik, di mana setiap genre mempunyai perkataan yang tersendiri (Anderson, 2006). Dalam bahasa Cina (BC) umpamanya, pelbagai perkataan yang berkaitan dengan pendidikan boleh didapati dalam berita nasional, artikel dan laporan yang membincangkan isu-isu pendidikan dalam akhbar BC di Malaysia, dan kajian ini memberi fokus kepada perkataan-perkataan tersebut.

Pelbagai isu pendidikan khususnya isu-isu tentang pendidikan BC tempatan lazim dibincangkan dalam media massa BC di Malaysia. Hal ini turut menunjukkan bahawa pendidikan merupakan salah satu isu penting yang sentiasa diambil berat oleh anggota masyarakat dan dibincangkan dari masa ke semasa (Lau & Su'ad Awab, 2019). Perubahan sesuatu bahasa berkait rapat dengan masyarakat yang terdiri daripada pengguna bahasa tersebut (Chen, 1999). Penggunaan perkataan-perkataan berkaitan dengan pendidikan yang mendukung makna berciri tempatan dalam akhbar di Malaysia bukan sahaja mencerminkan sistem dan keadaan pendidikan tempatan yang berlainan dengan China, malahan menonjolkan ciri BC Malaysia yang berbeza dengan *Putonghua* (BC standard di China).

Teks-teks berkaitan dengan pendidikan di Malaysia dikumpulkan daripada akhbar-akhbar BC tempatan yang terdiri daripada *Sin Chew Daily*, *Nanyang Siang Pau* dan *Guang Ming Daily*. Korpus merupakan koleksi teks sampel sama ada dalam bahasa lisan atau bertulis, dalam bentuk yang boleh dibaca oleh mesin dan boleh dianotasi dengan pelbagai bentuk linguistik (McEnery, Xiao & Tono, 2006). Data akhbar tersebut digunakan untuk membentuk korpus utama kajian ini yang dinamakan sebagai *Korpus Pendidikan Malaysia* (KPM). Ia dibandingkan dengan korpus rujukan China yang besar iaitu *Beijing Language and Culture University Chinese Corpus* (BCC) untuk mengenal pasti perkataan-perkataan BC berkaitan dengan pendidikan yang mendukung makna berciri tempatan dalam KPM. Ini seperti mana yang dinyatakan oleh Li (1998) bahawa BC Malaysia dianggap sebagai bahasa yang telah keluar dari kawasan China dan mempunyai ciri-ciri yang tersendiri.

Sistem sebutan dan nahu BC Malaysia adalah hampir sama dengan *Putonghua*, namun terdapat sedikit perbezaan dari segi perbendaharaan kata dan makna antara kedua-duanya (Huang, 2014). Walaupun BC Malaysia berasal dari *Putonghua* yang merupakan bahasa induk, tetapi disebabkan bahasa ini telah dipisahkan daripada bahasa induk tersebut dalam tempoh masa yang panjang, maka BC Malaysia mempunyai sedikit perbezaan dengannya. Tambahan pula, perbezaan Malaysia dengan China dari segi keadaan dan sistem pendidikan juga mengakibatkan sesetengah perkataan yang berkaitan dengan pendidikan dalam BC Malaysia memiliki ciri tempatan. Ciri tersebut diperlihatkan dalam penghasilan dan penggunaan perkataan-perkataan yang membawa makna yang berbeza dengan *Putonghua*.

Terdapat pelbagai perkataan berkaitan dengan pendidikan yang berciri tempatan hanya digunakan dalam KPM, sebaliknya tidak digunakan dalam BCC di China. Terdapat juga perkataan yang sama digunakan dalam kedua-dua korpus ini, tetapi perkataan yang digunakan dalam KPM membawa makna yang berbeza dengan yang digunakan dalam BCC. Makna yang berbeza tersebut dikategorikan

sebagai makna yang berciri tempatan. Sebahagian besar makna tersebut hanya difahami oleh pengguna BC di Malaysia.

Item-item leksikal BC yang digunakan dalam bidang sukan, hiburan, ekonomi dan iklan di Malaysia pernah dikaji oleh penyelidik-penyelidik tempatan yang terdiri daripada Seng (2006), Chong (2007), Tan (2008), Loh (2009), Lau (2010) dan Huang (2014). Dua di antara mereka iaitu Chong (2007) dan Huang (2014) pernah meneliti item-item leksikal BC yang digunakan dalam akhbar BC di Malaysia, antaranya termasuk perkataan-perkataan berkaitan dengan pendidikan yang hanya digunakan dalam kalangan pengguna BC di Malaysia. Namun demikian, perkataan-perkataan berkaitan dengan pendidikan yang mendukung makna berciri tempatan tidak diselidik oleh mereka. Dengan kata lain, penyelidikan tersebut tidak dapat mencerminkan penggunaan item leksikal berkaitan dengan pendidikan dalam BC di Malaysia secara menyeluruh. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengisi kelompangan tersebut.

Tambahan lagi, sesetengah perkataan BC berkaitan dengan pendidikan yang kerap digunakan di Malaysia masih belum dimasukkan ke dalam kamus BC yang terkini seperti *全球华语大词典* (Kamus Besar BC Global) (2016). Sebagai contoh, *微小* bukan sahaja merupakan kata sifat, tetapi juga dijadikan sebagai kata nama dalam akhbar BC di Malaysia untuk merujuk kepada sekolah rendah kurang murid. Makna tersebut dianggap sebagai makna yang berciri tempatan. Oleh sebab perkataan tersebut dan maknanya tidak dapat disemak melalui kamus BC, maka pembaca dari luar negara mungkin menyalahtafsirkan maknanya sebagai 'amat kecil'. Seandainya makna disalah tafsir oleh pembaca, maka mereka tidak dapat memahami teks pendidikan berkenaan dengan baik. Justeru, informasi dalam teks pendidikan berkenaan juga tidak dapat disampaikan dengan makna yang tepat kepada pembaca tersebut. Oleh yang demikian, kajian leksis seperti ini wajar dijalankan untuk mengkaji perkataan-perkataan yang membawa makna berciri tempatan.

Penyelidikan ini dijalankan untuk membandingkan data KPM di Malaysia dengan BCC di China. Tujuannya bukan sahaja untuk mengenal pasti perkataan-perkataan BC berkaitan dengan pendidikan yang membawa makna berciri tempatan dalam KPM serta kategorinya, tetapi juga mengkaji makna berciri tempatan yang terkandung dalam perkataan-perkataan ini dan juga faktor-faktor kewujudan makna tersebut. Soalan-soalan kajian berikut perlu dijawab:

a) Apakah perkataan-perkataan berkaitan dengan pendidikan dalam KPM yang membawa makna berciri tempatan berbanding dengan BCC?
b) Mengapa perkataan-perkataan tersebut membawa makna berciri tempatan dalam KPM?

2. Sorotan Literatur

Sebilangan kecil perkataan yang digunakan dalam BC di Hong Kong, Taiwan, Singapura dan Malaysia adalah berbeza dengan *Putonghua* di Tanah Besar China. Perkataan-perkataan yang berbeza tersebut dianggap berciri tempatan, iaitu digunakan khas di negara atau kawasan tertentu sahaja, tetapi bukan digunakan secara umum dalam kalangan pengguna BC di seluruh dunia (Tang, 2004). Menurut Tang (2004), perkataan BC yang berciri tempatan mempunyai empat ciri seperti berikut:

i.	Dari segi etimologi:	Dihasilkan oleh pengguna bahasa di kawasan atau negara tertentu berdasarkan ciri-ciri masyarakat di kawasan atau negara tersebut.
ii.	Dari segi ruang:	Digunakan di kawasan atau negara tertentu. Makna perkataan tersebut hanya difahami oleh pengguna bahasa di kawasan atau negara tersebut.
iii.	Dari segi masa:	Mempunyai ciri-ciri diakronik dan sinkronik, iaitu tidak akan lenyap dalam tempoh masa yang pendek.

iv. Dari segi kandungan: Mencerminkan keadaan sosial dari segi politik, ekonomi, kebudayaan atau kehidupan penduduk di kawasan atau negara tertentu.

BC Singapura hampir sama dengan BC Malaysia. Penyelidik di Singapura iaitu Wang (2002) pernah mengkaji perkataan berciri tempatan dalam BC Singapura. Perkataan-perkataan BC yang berciri tempatan digolongkan oleh beliau ke dalam lapan kategori seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 berikut.

Jadual 1: Kategori perkataan BC yang berciri tempatan (Wang, 2002)

Bil.	Kategori	Contoh	Huraian
1	Perkataan yang merujuk kepada sesuatu yang hanya terdapat di sesebuah kawasan atau negara tertentu.	Kata nama *拥车证* (*dokumen sokongan untuk membeli kereta atau motosikal*).	Kata nama ini hanya digunakan di Singapura, sebaliknya tidak digunakan di negara-negara lain.
2	Perkataan yang berbeza dari segi penggunaan aksara tetapi membawa makna yang sama dengan perkataan yang digunakan dalam *Putonghua* di China.	*艾滋病* (*AIDS*) digunakan di tanah besar China, manakala *爱之病* (*AIDS*) digunakan di Singapura.	Kedua-dua perkataan ini sama-sama merujuk kepada penyakit *AIDS*.
3	Perkataan BC yang digunakan di kawasan atau negara tertentu adalah sama dengan perkataan yang digunakan dalam *Putonghua* di China, namun perkataan tersebut **membawa makna berciri tempatan** yang berbeza dengan makna yang terkandung dalam *Putonghua*.	Kata nama *大字报* (*poster dan slogan dalam tulisan besar/notis amaran*)	Di China, kata nama ini merujuk kepada artikel dan slogan yang ditulis dalam tulisan besar dan ditampal di tempat awam, manakala ia digunakan di Singapura untuk merujuk kepada "notis amaran" yang digunakan oleh lintah darat untuk menagih hutang.
4	Perkataan yang digunakan di Hong Kong, Taiwan, Singapura dan Malaysia, tetapi masih belum digunakan di tanah besar China.	Kata nama *垃圾虫* (*ulat sampah*)	Kata nama ini digunakan di keempat-empat kawasan/negara tersebut, tetapi belum digunakan di tanah besar China.
5	Perkataan yang sudah lama digunakan di Hong Kong, Taiwan, Singapura dan Malaysia, tetapi baru digunakan di tanah besar China.	Kata nama *峰会* (*mesyuarat kemuncak*)	Kata nama ini baru digunakan di tanah besar China.
6	Perkataan yang sudah tidak digunakan di tanah besar China, tetapi masih digunakan di Singapura.	Kata nama *邮差* (*posmen*) dan *清道夫* (*tukang sapu*)	Kedua-dua kata nama ini sudah lama tidak digunakan di tanah besar China kerana terdapatnya unsur kehinaan, tetapi masih diguna pakai di Singapura.

7	Perkataan dialek Cina seperti Hokkien dan Kantonis.	*爽* (*suka/gembira*)	Perkataan ini juga berfungsi sebagai kata kerja akibat pengaruh dialek Hokkien terhadap BC di Singapura.
8	Kata nama khas yang kerap digunakan di kawasan tertentu.	*乌节路* (*Jalan Orchard*) dan *圣淘沙* (*Sentosa*)	Kata-kata nama khas ini merujuk kepada tempat di Singapura.

Kategori-kategori perkataan BC berciri tempatan yang dikemukakan oleh Wang (2002) dirujuk dan hanya kategori (3) dalam Jadual 1 dipilih untuk dikaji dalam penyelidikan ini. Hal ini disebabkan kajian lepas yang membincangkan item-item leksikal yang mendukung makna berciri tempatan dalam BC di Malaysia masih belum ditemui.

Perkataan-perkataan BC berciri tempatan yang digunakan dalam akhbar BC di Malaysia pernah diselidik oleh Chong (2007). Data kajian beliau diperoleh daripada dua jenis surat khabar BC di Malaysia, iaitu *Sin Chew Daily* dan *China Press* pada bulan Mac 2005. Selain itu, data penyelidikan tersebut terdiri daripada berita nasional, berita tempatan, berita hiburan, artikel dalam bahagian tambahan surat khabar dan iklan. Kaedah penganalisisan kualitatif digunakan dalam kajian tersebut tanpa menggunakan perisian. Hasil analisis Chong (2007) menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 64 item leksikal yang berkaitan dengan pendidikan digunakan dalam kedua-dua akhbar BC di Malaysia. Antaranya termasuk *国小* (*sekolah kebangsaan (SK)*), *华小* (*sekolah jenis kebangsaan Cina (SJK(C)*), *淡小* (*sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJK(T)*), *独中* (*sekolah menengah persendirian Cina* (*SMPC)*), *学院大学* (*universiti kolej*), *临教* (*guru sandaran*), *师荒* (*kekurangan tenaga pengajar*), *半日制* (*sistem persekolahan separuh hari*), *家协* (*persatuan ibu bapa dan guru (PIBG)*), *华教卡* (*kad pendidikan BC*) dan *教专* (*Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan*) (Chong, 2007). Akan tetapi, kajian Chong dijalankan tanpa membuat perbandingan dengan korpus rujukan. Perkataan-perkataan berkaitan dengan pendidikan yang mendukung makna berciri tempatan juga tidak dibincangkan dalam kajiannya. Justeru, ia menjadi salah satu jurang yang perlu diisi oleh penyelidikan ini.

Selain itu, Choo (2015) pernah mengkaji BC Singapura dan mekanisme pembentukannya. Beliau mendapati bahawa terdapat sebilangan kecil perkataan dalam BC Singapura membawa makna dan fungsi yang berbeza dengan Kamus BC Moden yang diterbitkan di Beijing, China. Misalnya, perkataan yang berkaitan dengan pendidikan iaitu *班* (*bān*) digunakan dalam Kamus BC Moden untuk merujuk kepada kelas, manakala perkataan ini digunakan dalam BC Singapura untuk merujuk kepada kelas dan juga bilik darjah. Jelas di sini bahawa makna tambahan berciri tempatan telah diberikan kepada kata nama ini dalam BC di Singapura. Selain itu, *屋子* (*wūzi*) merujuk kepada bilik seperti yang dinyatakan dalam Kamus BC Moden, manakala kata nama ini digunakan oleh pengguna BC Singapura untuk merujuk kepada rumah.

Terdapat juga perkataan dalam BC di Hong Kong membawa makna berciri tempatan yang berbeza dengan *Putonghua*. Shao (2011) dan Qian (2012) mendapati bahawa kata nama *班房* (*bānfáng*) dan kata kerja *上堂* (*shàngtáng*) sama-sama digunakan dalam *Putonghua* dan juga BC di Hong Kong. Namun demikian, *班房* (*bānfáng*) dalam *Putonghua* merujuk kepada 'penjara', manakala kata nama ini merujuk kepada 'bilik darjah' apabila digunakan di Hong Kong. Selain itu, kata kerja *上堂* (*shàngtáng*) dalam *Putonghua* merujuk kepada perbuatan mendakwa seseorang ke mahkamah, manakala maknanya dalam BC di Hong Kong ialah 'mengajar atau memberi kuliah'. Kedua-dua perkataan tersebut membawa makna yang berciri tempatan dan berfungsi sebagai item leksikal yang berkaitan dengan pendidikan apabila digunakan di Hong Kong. Namun demikian, faktor-faktor kemunculan makna berciri tempatan tersebut tidak dibincangkan oleh Shao (2011) dan Qian (2012) dalam kajian mereka. Ia turut menjadi satu lagi kelompangan yang perlu diisi oleh kajian ini.

3. Metodologi

Kajian ini dijalankan berdasarkan data korpus berkomputer iaitu KPM. Kaedah kualitatif digunakan dalam penyelidikan ini dan angka frekuensi digunakan untuk menyokong analisis data kualitatif.

3.1 Sumber Data dan Korpus Utama

Data kajian ini adalah jenis ekabahasa, iaitu dalam BC sahaja. Data akhbar dipilih kerana akhbar merupakan saluran paling berkesan untuk melaporkan peristiwa-peristiwa penting serta mengemukakan idea, pendapat dan cadangan melalui bahasa (Hishamudin & Norsimah, 2011). Tambahan pula, akhbar bukan sahaja mencerminkan keadaan masyarakat yang membaca akhbar tersebut, malahan mencerminkan bahasa yang digunakan oleh penulis dan golongan pembacanya (Zou & You, 2010). Dengan ini, item-item leksikal yang berciri tempatan boleh dikesan melalui akhbar tempatan. Data kajian ini dikumpul dari tiga jenis surat khabar BC di Malaysia secara dalam talian, iaitu (i) *Sin Chew Daily*, (ii) *Nanyang Siang Pau* dan (iii) *Guang Ming Daily*. Bahan kajian yang dikumpul ini bukan sahaja terdiri daripada berita nasional yang melaporkan berita tentang pendidikan di Malaysia, tetapi juga termasuk artikel yang membincangkan isu-isu pendidikan tempatan dan memperkenalkan institusi pengajian tinggi tempatan.

Jadual 2: Sumber data kajian

Tahun	Akhbar BC di Malaysia			Bilangan teks	Bilangan aksara
	Sin Chew Daily	*Nanyang Siang Pau*	*Guang Ming Daily*		
2011	365	367	361	1,093	903,077
2012	366	364	365	1,095	891,601
2013	369	367	362	1,098	896,557
Jumlah				3,286	2,691,235

Data kajian ini terdiri daripada 3,286 buah teks yang berkaitan dengan pendidikan di Malaysia dari Januari 2011 hingga Disember 2013 dan juga terdiri daripada 2,691,235 aksara (Lihat Jadual 2). Pelbagai isu tentang pendidikan dibincangkan dalamnya. Antaranya termasuk Pelan Pembangunan Pendidikan, polisi pendidikan, bahasa pengajaran dan pembelajaran (P&P) mata pelajaran Sains dan Matematik, pendidikan BC tempatan, masalah guru sandaran, masalah kekurangan tenaga pengajar, masalah yang dihadapi oleh SJK(C) dan SMPC, pengiktirafan sijil peperiksaan bersepadu (*UEC*), kelas bahasa ibunda (*POL*), masalah yang dihadapi oleh sekolah kurang murid, kerjasama antara universiti-universiti tempatan dengan luar negara, masalah disiplin pelajar dan sebagainya. Teks-teks tersebut disemak oleh pengkaji sebanyak tiga kali untuk memastikannya tiada pertindihan.

Korpus atau jamaknya korpora merupakan koleksi teks autentik yang disusun daripada ucapan atau teks bertulis, dibina untuk tujuan tertentu, dan disimpan dalam format digital (Imran Ho, Anis Nadiah & Azhar Jaludin, 2021). Seterusnya, teks-teks pendidikan seperti yang dinyatakan di atas disusun lalu digunakan untuk membentuk korpus utama untuk kajian ini, dan ia dinamakan sebagai *Korpus Pendidikan Malaysia* (KPM).

3.2 Korpus Rujukan

Korpus rujukan digunakan untuk membuat perbandingan standard dalam bahasa yang sama atau dengan bahasa lain. Biasanya, korpus yang saiznya sangat besar dijadikan sebagai korpus rujukan kerana ia merangkumi bidang bahasa yang luas serta terdiri daripada pelbagai jenis bahan yang diperoleh daripada sumber yang berlainan (Leech, 2002). Satu korpus yang besar di China iaitu BCC dijadikan sebagai korpus rujukan dalam kajian ini. Korpus ini dibentuk oleh *Beijing Language and Culture University* dan boleh diakses dalam talian. Ia terdiri daripada lebih kurang 15 bilion aksara. Teks BC moden di dalamnya diperoleh daripada pelbagai sumber yang merangkumi pelbagai bidang. Antaranya termasuk teks-teks berkaitan dengan pendidikan di China yang diterbitkan dalam akhbar-akhbar BC di China

seperti *Beijing Ribao*, *Fujian Ribao*, *Renmin Ribao* dan *Xiamen Ribao*. Makna perkataan yang berkaitan dengan pendidikan dalam KPM turut dibandingkan dengan makna perkataan yang sama dalam korpus rujukan ini untuk mengenal pasti perkataan yang membawa makna berciri tempatan.

3.3 Kaedah Pengenalpastian

Pada peringkat awal, semua perkataan dalam data kajian yang dianggap sebagai perkataan yang berkaitan dengan pendidikan diekstrak daripada senarai perkataan dalam perisian *AntConc 3.2.4w* lalu disenaraikan. Seterusnya, *教育百科辞典* (Kamus Ensiklopedia Pendidikan) disemak untuk mengenal pasti perkataan-perkataan yang disenaraikan tersebut sememangnya merupakan perkataan yang berkaitan dengan pendidikan.

Bagi perkataan yang belum dikamuskan tetapi dianggap sebagai perkataan yang berkaitan pendidikan, seramai tujuh orang pakar yang termasuk profesor leksikologi BC, penyunting kamus BC dan juga pensyarah fakulti pendidikan universiti tempatan telah dirujuk. Tujuannya adalah untuk memastikan perkataan tersebut sememangnya perkataan yang berkaitan dengan pendidikan atau sebaliknya. Misalnya, *华中* (*sekolah menengah jenis kebangsaan (SMJK)*) dan *教长* (*Menteri Pendidikan*) masih belum dikamuskan dalam Kamus Ensiklopedia Pendidikan, tetapi kata-kata nama ini dianggap oleh semua pakar tersebut sebagai perkataan yang berkaitan dengan pendidikan. Oleh itu, kedua-dua kata nama ini juga dikategorikan sebagai perkataan yang dikaji dalam penyelidikan ini.

3.4 Kaedah Menganalisis Data

Selepas sebanyak 593 perkataan berkaitan dengan pendidikan yang digunakan dalam KPM diekstrak daripada senarai perkataan dalam perisian *AntConc 3.2.4w*, makna setiap perkataan tersebut turut ditafsirkan. Bagi perkataan-perkataan yang sama-sama wujud dalam KPM dan BCC, maknanya dalam KPM difahami dan ditafsirkan dengan bantuan perisian *AntConc 3.2.4w*. Seterusnya, makna perkataan yang sama dalam BCC juga ditafsirkan satu demi satu dan dibandingkan dengan makna dalam KPM.

Dalam proses pentafsiran makna, Kamus Ensiklopedia Pendidikan (1987), Kamus BC Moden (2016) dan Kamus Besar BC Global (2016) dirujuk. Maknanya juga ditafsirkan melalui kolokasinya dengan item-item leksikal lain dalam ayat, perenggan dan teks yang menggunakan perkataan tersebut. Jikalau sesuatu perkataan yang maknanya dalam KPM adalah berbeza dengan BCC, maka ia turut dikategorikan sebagai perkataan yang mempunyai makna berciri tempatan. Perkataan-perkataan tersebut disenaraikan lalu digolongkan mengikut kategori.

Kewujudan perkataan-perkataan yang mempunyai makna berciri tempatan secara umumnya diakibatkan oleh dua jenis faktor, iaitu faktor linguistik dan faktor bukan linguistik. Faktor-faktor tersebut dikenal pasti melalui data akhbar yang terpilih dan juga berdasarkan keadaan dan sistem pendidikan di Malaysia.

4. Analisis dan Perbincangan

Sesetengah perkataan yang sama membawa makna khusus yang berlainan apabila digunakan di kawasan atau negara yang berlainan. Ianya berkait rapat dengan keadaan masyarakat dan pengguna bahasa. Hal ini turut mengakibatkan perkataan tersebut memiliki ciri-ciri tempatan (Chen, 1999; Wang, 2002). Terdapat sebanyak 593 perkataan BC yang berkaitan dengan pendidikan digunakan dalam KPM. Sebanyak 16 perkataan (2.69%) daripadanya membawa makna berciri tempatan yang berbeza dengan BCC. Kesemua perkataan tersebut ialah kata nama. Tiga perkataan daripadanya diberikan makna tambahan dalam KPM. Makna tambahan tersebut juga dikategorikan sebagai makna berciri tempatan. Hal ini disebabkan oleh makna ini hanya terdapat dalam KPM. Perkataan-perkataan tersebut digolongkan ke dalam enam kategori seperti dalam Jadual 3 berikut.

Jadual 3: Kategori perkataan berkaitan dengan pendidikan yang membawa makna berciri tempatan dalam KPM

Kategori	Bilangan perkataan yang berlainan
Sekolah	5
Persatuan pendidikan	3
Orang yang terlibat dalam bidang pendidikan	2
Pentaksiran	2
Kelas	2
Mata pelajaran	2
Jumlah	16

Berdasarkan Jadual 3, terdapat sebanyak lima perkataan yang berkaitan dengan sekolah mendukung makna berciri tempatan dalam KPM. Selain itu, perkataan-perkataan berkaitan dengan persatuan pendidikan, orang yang terlibat dalam bidang pendidikan, pentaksiran, kelas dan mata pelajaran juga membawa makna berciri tempatan apabila digunakan dalam KPM. Makna-makna ini dibandingkan dengan makna dalam BCC lalu dibincangkan berserta contoh-contoh ayat akhbar BC tempatan yang autentik dalam KPM. Selain itu, faktor-faktor kewujudan makna berciri tempatan tersebut juga dibincangkan.

Jadual 4: Perkataan berkaitan dengan sekolah yang membawa makna berciri tempatan

Item	Perkataan	Makna dalam KPM	Frekuen-si (kali)	Makna dalam BCC
1	独中	Sekolah menengah persendirian Cina (SMPC).	3615	Mendapat mata secara keseorangan.
2	国中	Sekolah menengah kebangsaan (SMK).	666	Sekolah menengah rendah (*junior high school*) di Taiwan.
3	华中	Sekolah menengah jenis kebangsaan (SMJK).	35	Kawasan China Pusat.
4	微小	(i) Amat kecil; (ii) Sekolah rendah kurang murid.*	12	Amat kecil.
5	控制学校	(i) Mengawal sekolah; (ii) Sekolah Kawalan. *	8	Mengawal sekolah.

* Makna berciri tempatan yang ditambahkan.

Berdasarkan Jadual 4, frekuensi penggunaan *独中* (*SMPC*) dalam Item (1) adalah sangat tinggi dalam KPM. Dalam BCC, item leksikal tersebut dijadikan sebagai frasa kerja yang menunjukkan perbuatan mendapat mata secara keseorangan dalam pertandingan. Dalam KPM pula, ia disingkatkan daripada *华文独立中学* (*SMPC*) dan dijadikan sebagai kata nama yang merujuk kepada SMPC yang diasaskan oleh orang Cina di Malaysia.

Dalam BCC, *国中* dalam Item (2) merujuk kepada sekolah menengah rendah di Taiwan. Sebaliknya, kata nama tersebut digunakan dalam KPM untuk merujuk kepada sekolah menengah kebangsaan (SMK) di Malaysia yang terdiri daripada menengah rendah (kelas peralihan hingga tingkatan tiga) dan menengah atas (tingkatan empat hingga tingkatan enam). Hal ini jelas menunjukkan bahawa maknanya dalam KPM adalah lebih luas.

Sesetengah item leksikal adalah berkaitan dengan pendidikan apabila ia digunakan di negara tertentu (Qian, 2012; Shao, 2011). Dalam BCC, *华中* dalam Item (3) disingkatkan daripada *中国华中地区*, iaitu merujuk kepada kawasan China Pusat di antara hulu dan hilir Sungai Yangtze yang termasuk wilayah Hubei, Hunan dan Henan. Tambahan pula, perkataan ini juga merujuk kepada sekolah menengah Cina Perantauan (*华侨中学*) di Singapura (Li, 2016). Sebaliknya, *华中* dalam KPM disingkatkan daripada *国民型华文中学*, iaitu merujuk kepada sekolah menengah jenis kebangsaan

(SMJK) di Malaysia. Maknanya adalah berkaitan dengan pendidikan apabila digunakan dalam ayat KPM seperti berikut:

> 华文科在槟城各***华中***是必修必考科, ...
> Bahasa Cina merupakan mata pelajaran yang wajib dipelajari dan diambil dalam peperiksaan oleh pelajar *SMJK* di Pulau Pinang, ...

微小 dalam Item (4) ialah kata sifat yang digunakan untuk menyatakan sesuatu yang amat kecil dalam KPM dan BCC. Selain itu, satu lagi makna berciri tempatan (makna (ii)) telah ditambahkan ke atasnya dalam KPM untuk merujuk kepada sekolah rendah kurang murid, iaitu disingkatkan daripada *微型小学* (*sekolah rendah kurang murid*). Saiz sekolah jenis ini tidak besar dan mempunyai murid kurang daripada 150 orang. Dengan kata lain, perkataan ini adalah berkaitan dengan pendidikan apabila digunakan dalam ayat KPM seperti berikut:

> 他们了解到华社强烈抗议合并***微小***的建议 , ...
> Mereka memahami bantahan kuat daripada masyarakat Cina tempatan terhadap cadangan untuk mengkombinasikan *sekolah rendah kurang murid*, ...

Tambahan pula, *控制学校* dalam Item (5) berfungsi sebagai frasa kerja dalam KPM dan BCC, iaitu merujuk kepada perbuatan mengawal sekolah. Lebih-lebih lagi, item leksikal ini juga diberikan makna tambahan dan dijadikan sebagai kata nama dalam ayat KPM di bawah untuk merujuk kepada Sekolah Kawalan di Malaysia (makna (ii)) seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Sekolah Rancangan Khas (SRK).

> 由于黎明华小是教育部的***控制学校*** (*Control School*), 所以新校舍的学生人数还是交由教育部决定。
> Oleh sebab SJK(C) Lai Meng ialah *Sekolah Kawalan* (*Control School*) yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, maka bilangan pelajar di sekolah baharu tersebut juga akan ditentukan oleh kementerian tersebut.

Selain itu, terdapat tiga kata nama yang merujuk kepada persatuan pendidikan membawa makna berciri tempatan dalam KPM, seperti dalam Jadual 5 berikut.

Jadual 5: Perkataan merujuk kepada persatuan pendidikan yang membawa makna berciri tempatan

Item	Perkataan	Makna dalam KPM	Frekuen-si (kali)	Makna dalam BCC
6	董总	Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (*Dong Zong*).	2603	Pengarah, pengurus besar atau presiden yang nama keluarganya ialah *董* (*Dong*).
7	教总	Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia (*Jiao Zong*).	986	(i) Persatuan pendidikan; (ii) Ibu pejabat akhbar pendidikan.
8	家教	(i) Pendidikan keluarga; (ii) Guru peribadi; (iii) Persatuan ibu bapa dan guru (PIBG). *****	28	(i) Pendidikan keluarga; (ii) Guru peribadi.

* Makna berciri tempatan yang ditambahkan.

Dalam BCC, *董总* dalam Item (6) dijadikan sebagai gelaran untuk menggelarkan pengarah, pengurus besar atau presiden yang nama keluarganya ialah "*Dong*". Dalam KPM, kata nama ini disingkatkan daripada *马来西亚华校董事联合会总会*, iaitu merujuk kepada Persekutuan Persatuan-

persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia yang mempertahankan kepentingan pendidikan BC tempatan, seperti dalam ayat KPM di bawah:

..... , ***董总***必须坚持捍卫独中以母语作为主要教学媒介语的既定地位。
…, *Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia* harus mempertahankan kedudukan dan status bahasa ibunda pelajar sebagai bahasa pengantar utama dalam pengajaran dan pembelajaran di SMPC.

Tambahan lagi, dalam BCC, *教总* dalam Item (7) disingkatkan daripada *教育总会* dan *教育报刊总社* untuk merujuk kepada persatuan pendidikan dan ibu pejabat akhbar pendidikan. Dalam KPM pula, kata nama yang sama ini disingkatkan daripada *马来西亚华校教师会总会*, iaitu merujuk kepada Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia, seperti dalam ayat KPM berikut:

但***教总***还是要吁请教育部废除小六评估考试。
Akan tetapi, *Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia* tetap menyeru Kementerian Pendidikan Malaysia agar memansuhkan peperiksaan UPSR.

Dalam KPM dan BCC, *家教* dalam Item (8) disingkatkan daripada *家庭教师* untuk merujuk kepada guru peribadi. Ia juga dipendekkan daripada *家庭教育* untuk merujuk kepada pendidikan keluarga. Akan tetapi, satu lagi makna (makna (iii)) ditambahkan ke atas perkataan ini dalam KPM, iaitu merujuk kepada persatuan ibu bapa dan guru (PIBG) di sekolah Malaysia. Ia disingkatkan daripada *家长教师协会* (PIBG), seperti dalam ayat KPM berikut:

..... , 呼吁全体华小董事长及***家教***主席团结一致 , ...
..., semua pengerusi lembaga pengurus sekolah dan pengerusi *PIBG* SJK(C) di Malaysia diseru agar bersatu padu, ...

Walaupun *家长教师会* (*PIBG*) juga digunakan dalam BCC untuk merujuk kepada PIBG di Hong Kong, tetapi item leksikal ini tidak disingkatkan menjadi *家教* (*PIBG*) dalam BCC. Hal ini turut menunjukkan bahawa kata nama ini tidak merujuk kepada PIBG di sekolah China.

Jadual 6: Perkataan merujuk kepada orang yang membawa makna berciri tempatan

Item	Perkataan	Makna dalam KPM	Frekuen-si (kali)	Makna dalam BCC
9	教长	Menteri Pendidikan.	166	(i) Imam agama Islam; (ii) Ketua paderi gereja.
10	国中生	Pelajar sekolah menengah kebangsaan (SMK).	72	Pelajar sekolah menengah rendah.

Makna berciri tempatan terkandung dalam dua kata nama yang merujuk kepada orang yang terlibat dalam bidang pendidikan. Dalam BCC, *教长* dalam Item (9) ialah kata nama yang berkaitan dengan agama, iaitu merujuk kepada imam agama Islam dan ketua paderi gereja. Sebaliknya, perkataan ini merujuk kepada Menteri Pendidikan apabila digunakan dalam KPM. Ia disingkatkan daripada *教育部长* (*Menteri Pendidikan*), seperti dalam Jadual 6. Ia berkaitan dengan pendidikan apabila digunakan dalam ayat KPM seperti berikut:

出席这项闭门会议的包括第二***教长***拿督斯里依德里斯朱索、.....
Pegawai yang menghadiri mesyuarat tertutup ini termasuk Dato' Seri Idris Jusoh selaku Timbalan *Menteri Pendidikan*, ...

Walaupun kata nama *国中生* dalam Item (10) sama-sama merujuk kepada pelajar dalam KPM dan BCC, tetapi perkataan ini membawa makna yang berbeza-beza. Dalam BCC, ia merujuk kepada pelajar sekolah menengah rendah di Taiwan, dan hampir semua pelajar di sekolah menengah rendah

tersebut ialah orang Cina. Dalam KPM pula, perkataan ini merujuk kepada pelajar SMK di Malaysia yang terdiri daripada menengah rendah dan menengah atas, di mana sebahagian besar pelajarnya berbangsa Melayu.

Jadual 7: Perkataan berkaitan dengan pentaksiran yang membawa makna berciri tempatan

Item	Perkataan	Makna dalam KPM	Frekuen-si (kali)	Makna dalam BCC
11	公考	Peperiksaan awam.	9	Peperiksaan khas untuk penjawat awam di China.
12	级数	Pangkat (*band*) dalam penilaian.	4	Siri yang digunakan dalam bidang matematik.

Berdasarkan Jadual 7, terdapat dua kata nama yang berkaitan dengan pentaksiran mendukung makna berciri tempatan. Dalam BCC, *公考* dalam Item (11) disingkatkan daripada *公务员考试*, iaitu peperiksaan penjawat awam di China. Perkataan yang sama dalam KPM pula disingkatkan daripada *公共考试*, iaitu merujuk kepada peperiksaan awam yang dijalankan secara serempak di seluruh Malaysia seperti SPM dan STPM. Walaupun kedua-dua maknanya berkaitan dengan peperiksaan, tetapi ianya merujuk kepada peperiksaan yang berlainan di Malaysia dan China. Berikut adalah ayat KPM yang mengandungi makna berciri tempatan tersebut:

华文独立中学是以华语华文为主要教学媒介的中学, 以补习方式教导***公考***的科目, ...
SMPC menjadikan BC sebagai bahasa pengantar pengajaran dan pembelajaran yang utama, manakala mata pelajaran ***peperiksaan awam*** diajar dalam bentuk tuisyen, ...

Kata nama *级数* (*siri*) dalam Item (12) adalah berkaitan dengan matematik apabila digunakan dalam BCC. Dalam KPM pula, kata nama tersebut adalah berkaitan dengan peperiksaan, iaitu merujuk kepada pangkat (*band*) dalam Penilaian Kemahiran Bahasa Inggeris Universiti Malaysia (*MUET*), seperti dalam ayat KPM berikut:

..... , 有关***级数***分成“BAND 1”至“BAND 6”, ...
..., ***Pangkat dalam penilaian*** *MUET* terbahagi kepada *band* 1 hingga *band* 6, ...

Jadual 8: Perkataan berkaitan dengan kelas yang membawa makna berciri tempatan

Item	Perkataan	Makna dalam KPM	Frekuen-si (kali)	Makna dalam BCC
13	预备班	Kelas peralihan SMK dan SMJK di Malaysia.	352	Kelas persediaan sekolah rendah, sekolah menengah rendah dan atas, kolej perguruan dan universiti.
14	延长班	Kelas lanjutan sekolah rendah untuk pelajar yang lemah dalam pelajaran.	3	(i) Kelas yang dipanjangkan masanya; (ii) Giliran kerja yang dipanjangkan masanya.

Dalam kategori kelas seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8, *预备班* dalam Item (13) digunakan dalam BCC untuk merujuk kepada kelas persediaan sekolah rendah, sekolah menengah rendah dan atas, kolej perguruan dan universiti yang membolehkan pelajar membuat persediaan sebelum meneruskan pelajaran. Sebaliknya, perkataan ini digunakan dalam KPM untuk merujuk kepada kelas peralihan SMK dan SMJK di Malaysia yang khas untuk pelajar lepasan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) sebelum mereka memasuki tingkatan satu. Adalah jelas bahawa maknanya telah disempitkan apabila digunakan dalam ayat KPM seperti berikut:

他们也认为孩子进入国中***预备班***后, 与友族同学的接触机会增多, ...
Mereka (ibu bapa) juga mendapati bahawa peluang anak mereka bergaul dengan rakan-rakan etnik lain telah bertambah selepas memasuki ***kelas peralihan*** SMK, ...

Yang menarik adalah kata nama *延长班* dalam Item (14) digunakan dalam KPM untuk merujuk kepada kelas lanjutan sekolah rendah yang dibuka khas untuk pelajar yang lemah dalam pelajaran. Pihak tertentu mencadangkan agar kelas peralihan sekolah menengah digantikan dengan kelas tersebut, seperti dalam ayat KPM berikut:

> 政府应把省下的办预备班的资源用来开办小学***延长班***, ...
> Sumber yang pada asalnya digunakan untuk menyelenggarakan kelas peralihan sepatutnya digunakan oleh pihak kerajaan untuk menyelenggarakan *kelas lanjutan* sekolah rendah, ...

Sebaliknya, perkataan ini mendukung dua makna yang berlainan dalam BCC. Dalam korpus rujukan ini, ia merujuk kepada kelas yang dipanjangkan masanya. Kata nama ini membawa satu lagi makna yang tidak berkaitan dengan pendidikan, iaitu merujuk kepada giliran kerja yang dipanjangkan masanya. Morfem *班* dalamnya bukan lagi merujuk kepada kelas, sebaliknya merujuk kepada giliran kerja.

Jadual 9: Perkataan berkaitan dengan mata pelajaran bahasa yang membawa makna berciri tempatan

Item	Perkataan	Makna dalam KPM	Frekuen-si (kali)	Makna dalam BCC
15	国文	(i) Bahasa Melayu (BM); (ii) Mata pelajaran BM.	753	(i) Bahasa Cina (BC) di Taiwan; (ii) Mata pelajaran BC di Taiwan.
16	国语	(i) BM; (ii) Mata pelajaran BM.	646	(i) BC di Taiwan; (ii) Mata pelajaran BC di Taiwan.

Dalam KPM, kedua-dua kata nama *国文* dan *国语* dalam Item (15) dan (16) bukan sahaja merujuk kepada bahasa kebangsaan Malaysia iaitu bahasa Melayu, tetapi juga merujuk kepada mata pelajaran Bahasa Melayu (Lihat Jadual 9). Dalam BCC pula, kedua-dua kata nama ini merujuk kepada BC (bahasa kebangsaan Taiwan) dan mata pelajaran BC yang diajar di sekolah Taiwan.

Dari segi faktor linguistik, **penyingkatan** merupakan faktor dominan yang mengakibatkan kewujudan makna berciri tempatan dalam KPM. Sebagai contoh, frasa nama *教育部长* (*Menteri Pendidikan*) tidak membawa sebarang makna yang berciri tempatan. Selepas frasa tersebut disingkatkan dengan cara tersendiri menjadi *教长* (*Menteri Pendidikan*) dalam KPM, makna berciri tempatan turut dihasilkan. Hal ini disebabkan perkataan tersebut digunakan dalam BCC untuk merujuk kepada imam agama Islam dan ketua paderi gereja. Cara penyingkatan yang tersendiri ini juga mengakibatkan kata-kata nama lain iaitu *独中* (*SMPC*), *华中* (*SMJK*), *董总* (*Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia*), *教总* (*Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia*) dan *公考* (*peperiksaan awam*) mendukung makna berciri tempatan dalam KPM.

Makna yang ditambahkan ke atas perkataan berkaitan dengan pendidikan yang tertentu juga menghasilkan makna berciri tempatan. Sebagai contoh, selepas *微型小学* (*sekolah rendah kurang murid*) disingkatkan menjadi *微小* (*sekolah rendah kurang murid*), makna tambahan turut diberikan kepadanya. Makna asal *微小* ialah ‘amat kecil’, dan perkataan tersebut diberikan satu lagi makna dalam KPM, iaitu merujuk kepada sekolah rendah kurang murid. Makna tambahan ini turut menjadikan perkataan tersebut mendukung makna berciri tempatan. Penyingkatan juga mengakibatkan *家教* (*PIBG*) diberikan makna tambahan yang berciri tempatan. Justeru, boleh dikatakan bahawa cara penyingkatan yang tersendiri dalam BC di Malaysia turut mengakibatkan kedua-dua perkataan tersebut juga membawa makna tambahan yang berciri tempatan dalam KPM.

Sekolah di Malaysia iaitu Sekolah Kawalan diwujudkan di bawah konsep tertentu lalu diberi nama dalam BM. Seterusnya, kata nama BM tersebut diterjemahkan secara literal ke dalam BC menjadi *控制学校* (*Sekolah Kawalan*) dalam KPM. Kebetulan kata nama ini juga berfungsi sebagai frasa kerja dalam BCC, iaitu merujuk kepada perbuatan mengawal sekolah. Selain itu, oleh sebab tiada perkataan

yang sesuai untuk merujuk kepada pangkat (*band*) dalam peperiksaan di Malaysia, maka *band* turut diterjemahkan menjadi *级数* (*pangkat*) dalam KPM untuk merujuk kepadanya. Namun demikian, perkataan tersebut sudah wujud dalam perbendaharaan kata BC standard dan digunakan dalam BCC untuk merujuk kepada siri matematik. **Penterjemahan kata** seperti ini turut menjadi satu lagi faktor linguistik yang mengakibatkan kedua-dua perkataan tersebut mendukung makna berciri tempatan dalam teks pendidikan KPM.

Evolusi bahasa berlaku melalui penciptaan item leksikal baharu kerana perkataan tersebut diperlukan oleh sesebuah masyarakat untuk **merujuk kepada sesuatu** yang terdapat dalam masyarakat tersebut sahaja, sebaliknya tidak terdapat di negara atau kawasan lain (Aitchison, 2001). Dari segi faktor bukan linguistik pula, kata-kata nama seperti *独中* (*SMPC*), *华中* (*SMJK*) dan *董总* (*Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia*) dalam KPM dicipta khas oleh pengguna BC tempatan untuk merujuk kepada sekolah dan persatuan pendidikan yang hanya terdapat di Malaysia. Kebetulan item-item leksikal ini juga terdapat dalam BCC, tetapi membawa makna yang tidak berkaitan dengan pendidikan dalam korpus rujukan tersebut.

Kelainan negara juga merupakan faktor bukan linguistik yang mengakibatkan kemunculan makna berciri tempatan bagi perkataan yang terdiri daripada morfem *国* (*kebangsaan*). Dalam BCC, *国中*, *国中生*, *国文* dan *国语* merujuk kepada sekolah menengah rendah, pelajar sekolah menengah rendah dan mata pelajaran BC di Taiwan, manakala keempat-empat item leksikal ini merujuk kepada sekolah menengah kebangsaan (SMK), pelajar SMK dan mata pelajaran BM di Malaysia apabila digunakan dalam KPM.

5. Kesimpulan

Daripada kajian ini, didapati bahawa terdapat sebanyak 16 perkataan yang berlainan membawa makna berciri tempatan dalam KPM. Sebanyak 13 perkataan daripadanya membawa makna yang berbeza dengan makna perkataan yang sama dalam BCC, manakala makna tambahan bagi tiga lagi perkataan terdapat dalam KPM sahaja. Kesemua perkataan tersebut ialah kata nama dan tergolong dalam enam kategori.

Dalam BCC, sebanyak tujuh perkataan membawa makna yang tidak berkaitan dengan pendidikan. Sebaliknya, makna perkataan-perkataan tersebut adalah berkaitan dengan pendidikan apabila digunakan dalam KPM. Selain itu, walaupun sembilan perkataan yang lain membawa makna yang berkaitan dengan pendidikan dalam KPM dan BCC, tetapi makna khususnya dalam KPM adalah berbeza dengan makna yang terkandung dalam BCC.

Dari segi faktor linguistik, sebanyak lapan (daripada 16) perkataan mendukung makna berciri tempatan akibat penyingkatan. Justeru, boleh dikatakan bahawa penyingkatan merupakan faktor dominan yang mengakibatkan kemunculan makna berciri tempatan bagi perkataan-perkataan yang berkaitan dengan pendidikan dalam KPM. Lebih-lebih lagi, kewujudan makna tambahan dan penterjemahan juga menyebabkan perkataan-perkataan berkaitan dengan pendidikan yang tertentu mendukung makna berciri tempatan dalam KPM.

Dari segi faktor bukan linguistik pula, terdapat perkataan-perkataan tertentu diciptakan khas untuk merujuk kepada sekolah dan persatuan pendidikan yang hanya terdapat di Malaysia. Kebetulan perkataan-perkataan tersebut juga terdapat dalam BCC, tetapi ia membawa makna yang berlainan dalam BCC. Selain itu, kelainan negara turut mengakibatkan empat kata nama yang terdiri daripada morfem *国* (*kebangsaan*) mendukung makna berciri tempatan dalam KPM.

Memandangkan hampir semua makna berciri tempatan tersebut masih belum dikamuskan, maka diharapkan agar dapatan kajian ini akan dapat dimasukkan ke dalam kamus global BC edisi baharu. Perkamusan ini bukan sahaja menjadikan makna perkataan dalam kamus-kamus tersebut lebih lengkap dan terkini, tetapi juga membantu pembaca dan penyelidik yang bukan pengguna BC di Malaysia

memahami makna sesetengah item leksikal berkaitan dengan pendidikan yang hanya digunakan di Malaysia.

Penyelidikan ini hanya terbatas pada mengkaji makna perkataan-perkataan berkaitan dengan pendidikan yang berciri tempatan dalam akhbar BC di Malaysia sahaja berdasarkan data korpus berkomputer. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan. Dicadangkan agar kajian lanjut dijalankan untuk meneliti perkataan-perkataan berkaitan dengan politik, kesusasteraan, agama dan kebudayaan yang membawa makna berciri tempatan dalam surat khabar dan majalah BC di Malaysia. Selain itu, makna berciri tempatan yang terkandung dalam perkataan-perkataan BC yang berkaitan dengan pendidikan di tanah besar China, Taiwan, Hong Kong, Macau dan Singapura juga boleh diteliti dan dibandingkan antara satu sama lain.

Rujukan

Aitchison, J. (2001). *Language change: Progress or decay? 3rd edition*. Cambridge: Cambridge University Press.

Anderson, W. J. (2006). *The phraseology of administrative French: A corpus-based study*. Amsterdam - New York: Rodopi.

Chen, J. M. (1999). *Zhongguo yuyan he Zhongguo shehui*. Guangzhou: Guangdong Jiaoyu Chubanshe.

Chong, S. L. (2007). Cong Malaixiya huawen baozhang shiyong de ciyu ji qi xingshi tan Malaixiya fengqing. Dlm S. L. Chong, (Pnyt.), *Discovering the language - Diversity, variation and standardization* (hlm. 103-124). Kuala Lumpur: Penerbitan Seni Hijau Sdn. Bhd.

Choo, Y. (2015). *Variant and invariant: A preliminary approach to the exploration of the emergence of Singapore Mandarin*. Tesis PhD, School of Humanities and Social Sciences, Nanyang Technological University, Singapura.

Hishamudin Isam & Norsimah Mat Awal. (2011). The extended meanings of setia/loyal: A corpus-based analysis. *Jurnal Linguistik, 12*, 1-17.

Huang, H. Y. (2014). *Malaixiya Huayu ciyu yanjiu*. Tesis PhD, Faculty of Chinese Linguistics, Southwest University, China.

Imran Ho Abdullah, Anis Nadiah Che Abdul Rahman & Azhar Jaludin. (2021). The development of the Malaysian hansard corpus: A corpus of parliamentary debates 1959-2020. *Jurnal Linguistik, 25*(1), 66-79.

Lau, S. K. (2010). Malaixiya Zhongwen guanggao jingci shiyong. *Chinese Sociolinguistics, 15*(1), 119-129.

Lau, S. K., & Su'ad Awab. (2019). Kajian perkataan bahasa Cina berkaitan dengan pendidikan yang digunakan di Malaysia berdasarkan korpus berkomputer. *Kajian Malaysia, 37*(1), 83–107.

Leech, G. (2002). The importance of reference corpora. Diakses 14 September 2018 dari http://www.uzei.eus/wp-content/uploads/2017/06/06-Geoffrey-LEECH.pdf

Li, Y. D. (1998). *Xiandai Hanyu ciyu dapei*. Beijing: Shangwu Yinshuguan Guoji Youxian Gongsi.

Li, Y. M. (2016). *New century global Chinese dictionary*. Beijing: The Commercial Press.

Loh, P. P. (2009). *Leksis baru bahasa Cina dalam bidang ekonomi*. Disertasi Sarjana, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Malaysia.

McEnery, T., Xiao, R., & Tono, Y. (2006). *Corpus-based language studies: An advanced resource book*. London and New York: Routledge Taylor and Francis Group.

Qian, F. (2012). An analysis of the phrases use feature of "Mandarin Chinese with Hong Kong accent". *Journal of Chongqing University of Arts and Sciences (Social Sciences Edition), 31*(2), 112-116.

Seng, L. C. (2006). *Penciptaan istilah-istilah baru bahasa Cina dan penggunaannya dalam surat khabar dan majalah*. Disertasi Sarjana, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Malaysia.

Shao, J. M. (2011). Xianggang ciyu de zongheng bijiao. Diakses 16 Julai 2020 dari https://www.csb.gov.hk/hkgcsb/ol/news/no29/p05_8.pdf

Tan, K. C. (2008). *Analisis perkataan bahasa Cina dalam bidang hiburan dan sukan*. Disertasi Sarjana, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Malaysia.

Tang, Z. X. (2004). Lun Huayu quyu teyou ciyu. Diakses 25 Disember 2014 dari http://www.huayuqiao.org/articles/tangzhixiang/tang08.pdf

Wang, H. D. (2002). Xinjiapo Huayu teyou ciyu tanwei. Dlm Q. H. Zhou (Pnyt.), *Xinjiapo Huayu cihui yu yufa* (hlm. 25–74). Singapore: Lingzi Media Pte Ltd.

Zou, J. Y., & You, R. J. (2010). *An international dictionary of Chinese neologisms*. Beijing: Shangwu Yinshuguan.

Biodata Penulis

Lau Su Kia (PhD) ialah Guru Bahasa Kanan di Jabatan Bahasa-bahasa Malaysia dan Linguistik Terapan, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Penulis memegang ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden dan ijazah kedoktoran dalam bidang leksikologi. Bidang penyelidikannya termasuk morfologi, leksikologi, sintaksis, semantik dan pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua.

Sheena Kaur (PhD) ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Inggeris, Fakulti Bahasa dan Linguistik (FBL), Universiti Malaya, dan kini memegang jawatan sebagai Timbalan Dekan Ijazah Tinggi FBL. Bidang penyelidikannya termasuk kajian bahasa Inggeris, pendidikan tinggi, penggunaan linguistik korpus dalam analisis semantik, sosiolinguistik dan teknologi komputer.

Jariah Mohd Jan (PhD) ialah Profesor di Jabatan Bahasa Inggeris, Fakulti Bahasa dan Linguistik (FBL), Universiti Malaya dan pernah memegang jawatan sebagai Dekan FBL. Bidang penyelidikan utamanya ialah sosiolinguistik, khususnya gender dan kuasa yang berkaitan dengan bahasa, pragmatik dan wacana. Hasil penyelidikannya diterbitkan secara meluas dalam jurnal berwasit yang berimpak tinggi.

Su'ad Awab (PhD) ialah Profesor Madya yang bersara dari Jabatan Bahasa Inggeris, Fakulti Bahasa dan Linguistik (FBL), Universiti Malaya dan pernah memegang jawatan sebagai Timbalan Dekan Ijazah Tinggi FBL. Penulis memegang ijazah kedoktoran dari Lancaster University, UK. Bidang penyelidikannya termasuk linguistik korpus, frasalogi dan kajian metafora.